

# Ahli Parlimen Jeli pula isytihar sokong Anwar

Sokongan terhadap kepemimpinan PM demi kepentingan rakyat

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim, Amir Mamat dan Hidayatidayu Razali  
bhnews@bh.com.my

**Kota Bharu:** Tidak sampai 24 jam Ahli Parlimen Gua Musang, Mohd Azizi Abu Naim, dari Perikatan Nasional (PN) mengisytiharkan menyokong kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, petang kelmarin, Ahli Parlimen Jeli, Zahari Kechik, tampil mengambil langkah sama semalam.

Zahari berkata, sokongan terhadap Perdana Menteri itu berkuat kuasa serta-merta.

"Selepas meneliti, memperhalusi dan mempertimbangkan dengan sehabis baik mengenai permasalahan yang dihadapi rakyat terkini mengenai kos sara hidup, himpitan mengenai keperluan asas yang perlu dipertingkatkan dan pembangunan yang mesti diteruskan dalam Parlimen Jeli, maka saya sebagai Ahli Parlimen Jeli dengan ini mengisytiharkan sokongan kepada kepemimpinan Datuk

Seri Anwar.

"Saya sedar rakyat mesti diutamakan dan pembangunan mesti diteruskan tanpa sebarang kompromi. Dalam alaf serba mencabar ini, selaku ahli Parlimen, saya harus memberi khidmat yang terbaik buat rakyat dalam Parlimen Jeli," katanya menerusi kenyataan di Facebook.

Dakwanya, walaupun mengambil pendirian itu namun beliau tetap akan taat, setia dan kekal sebagai ahli BERSATU.

"Saya bersedia berdepan dan menerima risiko tindakan disiplin parti demi memastikan pengundi dan rakyat Parlimen Jeli tidak menjadi mangsa keadaan dan tidak ketinggalan menerima semua bentuk pembangunan dan bantuan daripada Kerajaan Pusat.

"Maka dengan ini, saya mengisytiharkan menyokong sebarang dasar dan inisiatif yang kerajaan lakukan dalam memulihkan ekonomi negara serta meletakkan kebajikan dan kepentingan rakyat. Sokongan saya ini berterusan hingga Pilihan Raya Umum (PRU) seterusnya," katanya yang mendakwa tindakan itu dibuat atas kerelaan sendiri demi rakyat.

Terdahulu, Mohd Azizi ketika mengisytiharkan sokongan penuh kepada kepimpinan Anwar, mendakwa pendirian itu

bertujuan memastikan kebajikan penduduk Parlimen Gua Musang terbela dan akan terus mendapat pelbagai manfaat sepanjang dalam tempoh perkhidmatannya.

Mengulas tindakan Azizi itu, Pengerusi BERSATU Kelantan, Datuk Kamaruddin Md Noor, mendedahkan Ahli Parlimen Gua Musang terbabit sebelum ini mendakwa ditawarkan sejumlah wang yang lumayan oleh 'broker' politik ketika menghadiri mesyuarat parti itu pada Sabtu lalu.

"Pada Sabtu lalu, ketika menghadiri mesyuarat BERSATU negeri, beliau (Mohd Azizi) hadir dan memaklumkan ada broker politik menawarkan sejumlah wang yang lumayan serta manfaat sekiranya membuat kenyataan menyokong Perdana Menteri.

"Beliau mengatakan sudah menolak semua tawaran berkenaan dan kami mengucapkan tahniah kepada beliau atas penolakan berkenaan," katanya.

Sebelum ini, dua Ahli Parlimen BERSATU iaitu Datuk Suhaili Abdul Rahman (Labuan) dan Datuk Iskandar Dzulkarnain Abdul Khalid (Kuala Kangsar) mengumumkan langkah mengalih sokongan itu.

Walaupun memberi alasan kepentingan rakyat menjadi keutamaan dalam tindakan mengalih

sokongan yang diambil semua Ahli Parlimen PN terbabit, namun langkah mereka kini mengundang kecurigaan dalam kalangan pemimpin UMNO.

## Harap PM berwaspada

Ketua Pemuda UMNO, Dr Muhammad Akmal Saleh, berharap Perdana Menteri berwaspada dengan sokongan yang diumumkan Ahli Parlimen pembangkang itu bagi memastikan agenda Reformasi Parlimen tidak tersasar daripada matlamat sebenar.

Beliau melihat sokongan yang diumumkan itu sebagai satu kaedah yang terselit agenda tertentu, apabila mengalihkan sokongan tanpa keluar daripada parti yang disertai mereka.

"Apabila Akta Anti Lompat Parti dicadangkan untuk dikuatkuasakan dengan tujuan untuk menghalang 'katak' politik 'melompat' sesuka hati, bagi saya ia mungkin boleh menamatkan 'drama politik' yang berpanjangan dan wakil rakyat yang dipilih boleh memberi fokus untuk berkhidmat kepada rakyat dan parti yang mereka wakili.

"Tetapi rupa-rupanya, walaupun akta berkenaan sudah diluluskan, 'katak-katak' ini tetap melompat menggunakan nama yang lain, iaitu menyokong kerajaan tanpa keluar parti. Jadi, nama yang digunakan walaupun berbeza tetapi tujuannya tetap sama.

"Justeru, saya mohon PMX menilai semula mereka yang melompat ini supaya agenda Re-

"Saya sedar rakyat mesti diutamakan dan pembangunan mesti diteruskan tanpa sebarang kompromi. Dalam alaf serba mencabar ini, selaku ahli Parlimen, saya harus memberi khidmat yang terbaik buat rakyat dalam Parlimen Jeli"

Zahari Kechik, Ahli Parlimen Jeli



formasi Parlimen dapat dilaksanakan dengan baik dan mencapai tujuan yang sebenarnya," katanya.

Sementara itu, Timbalan Setiausaha Agung DAP, V Sivakumar, berkata semua Ahli Parlimen berhak menyokong kepimpinan Perdana Menteri kerana pendirian itu tidak terikat kepada Akta Anti Lompat Parti kerana mereka sekadar menyatakan sokongan kepada kerajaan dan bukannya melompat parti.

"Kalau mereka lompat parti lain cerita. Saya rasa Ahli Parlimen berhak menyokong kerajaan. Tak ada masalah.

"Mungkin ada pihak mengatakan ada paksaan dan sebagainya, tetapi apa yang saya tahu termasuk melalui media, tidak ada sebarang unsur paksaan.

"Kalau tak ada sebarang paksaan, saya rasa tak ada sebarang isu kerana mereka dengan rela hati menyatakan sokongan kepada kerajaan," katanya.